

SSB II dilaksanakan tahun ini

UM - 1 FEB 2002

Oleh YUSRI SAHAT
dan ISMAIL DAUD

KUALA LUMPUR 31 Jan. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang meneliti laporan kajian Sistem Saraan Baru II (SSB II) hari ini meminta Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menghalusi lagi cadangan pendekatan-pendekatan baru sebelum ia dapat dilaksanakan seawal pertengahan tahun ini.

Menurut Perdana Menteri, penelitian semua itu perlu kerana cadangan-cadangan tersebut membabitkan penambahan kos yang tinggi sebanyak RM1 bilion di pihak kerajaan.

“Kita belum membuat keputusan. Kita lihat perkara yang dibangkitkan itu perlu dikaji semula dan satu resolusi yang sesuai dikemukakan kepada kita.

“Bolehlah, saya ingat pada tahun ini boleh (dilaksanakan),” katanya ketika ditanya pemberita apakah ia akan dilaksanakan pertengahan tahun ini, selepas beliau merasmikan Pasarakyat di Jalan Imbi di sini hari ini.

● Harga air: Tiada lagi kompromi dengan Singapura — Muka 2

Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Gaji Sektor Awam mengulas laporan muka depan *Utusan* hari ini mengenai pembentangan laporan tersebut oleh JPA pada sesi taklimat khas di Putrajaya pagi ini.

SSB diperkenalkan pada tahun 1992 bagi menggantikan skim perkhidmatan di bawah Laporan Gaji Jawatankuasa Kabinet (JKK I dan II) sejak 1976.

Kajian yang dikendalikan oleh JPA atas arahan Dr. Mahathir awal tahun lalu itu merupakan yang pertama dikendalikan oleh jabatan tersebut secara menyeluruh dalam tempoh 10 tahun.

JPA telah melengkapkan kajiannya hujung bulan lalu setelah Jawatankuasa Kajian Pengubahsuaian dan Penambahbaikan SSB yang ditubuhkan pada Mac lalu memulakan perbincangan melibatkan pelbagai pihak termasuk Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Antara aspek utama yang dikaji oleh JPA ialah pelaksanaan sistem penilaian prestasi yang dikaitkan dengan kenaikan tahunan, jadual gaji matriks dan pengenalan semula gaji satu lapis.

■ Lihat muka 4

UM - 1 FEB 2002

SSB II dilaksanakan tahun ini

Utusan difahamkan bahawa JPA mencadangkan penggunaan nama SSB II memandangkan sebahagian besar kandungan semasa SSB dikekalkan kecuali empat perkara yang menjadi kontroversi.

Dr. Mahathir selanjutnya berkata, mengikut laporan yang dibentangkan oleh JPA pagi ini, perbelanjaan tambahan yang perlu dikeluarkan oleh kerajaan ialah sebanyak RM1 bilion.

Bagaimanapun, kata be-

liau, kerajaan menjangkakan perbelanjaan tersebut melebihi jumlah tersebut.

Emolumen

“Dalam laporan itu, anggaran mereka ialah sebanyak RM1 bilion tetapi saya khawatir ia lebih daripada itu,” kata beliau yang juga Menteri Kewangan.

Pada tahun lalu, kerajaan memperuntukkan sebanyak RM16.9 bilion bagi membayar emolumen kakitangan awam manakala RM4.8 bilion lagi untuk

bayaran pencen dan ganjaran.

Perdana Menteri memberitahu, dalam kajian semula SSB itu, JPA mengemukakan pendekatan baru dengan mengambil kira teguran-teguran dan cadangan-cadangan CUEPACS.

“Mereka (JPA) telah mengemukakan pendekatan baru supaya dapat mengambil kira teguran yang dibuat oleh CUEPACS. Saya telah mendengar secara menyeluruh,” jelasnya.